



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 10 APRIL 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KELAPA SEGAR TEMPATAN BAKAL TEMBUSI PASARAN CHINA, NEGERA, KOSMO-8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
2.	HANAFI LELONG TEMBIKAI RM1 SEBIJI, DALAM NEGERI, UM-29	LAIN-LAIN
3.	LEMBU MERAYAU, PEMILIK BAKAL DIKOMPAN RM2,000, NEGERI, SH-25	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Kelapa segar tempatan bakal tembusi pasaran China

PETALING JAYA - Malaysia mahu meneroka pasaran baharu yang luas membabitkan komoditi kelapa segar tempatan khususnya ke China.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, usaha itu kini sedang giat dilakukan pihaknya.

Katanya, perkara tersebut telah dibentangkan ketika menghadiri Mesyuarat Jemaah Menteri yang berlangsung di Pejabat

Perdana Menteri, Putrajaya semalam.

Katanya, antara agenda mesyuarat terbabit adalah berkaitan dengan protokol keperluan fitosanitari bagi pengeksportan kelapa segar dari Malaysia ke China.

"Perbincangan ini merupakan satu langkah penting ke arah memperkukuhkan hubungan perdagangan agrikultur antara Malaysia dan China.

"Usaha ini juga membuka

ruang pasaran yang lebih luas kepada para pekebun dan pengusaha industri kelapa tempatan untuk menembusi pasaran antarabangsa, khususnya di China," katanya pada hantaran di laman Facebook.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, kementerian akan terus komited dalam meneroka pasaran baharu dengan mempertingkatkan daya saing produk pertanian negara di peringkat global.



MOHAMAD (kiri) ketika menghadiri Mesyuarat Jemaah Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/4/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Hanafi lelong tembikai RM1 sebiji

Oleh **ZAID MOHD. NOOR**
utusannewa@mediamulia.com.my

SETIU: Seorang petani muda di Kampung Telaga Papan di sini, terpaksa melelong tembikai RM1 sebiji berikutan berlaku lambakan di pasaran.

Muhammad Hanafi Sani, 24, berkata, buah tembikai itu dilelong untuk mendapat sedikit pulangan bagi menampung kos tanaman dan mengelakkannya rosak di ladang.

Katanya, dia melelong tembikai kira-kira tiga tan metrik sehari di tepi jalan utama di kampung berkenaan dan mendapat

sambutan menggalakkan.

"Kebanyakan tembikai yang dilelong gred B yang kebiasaannya dijual paling murah RM1.50 sekilogram," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Muhammad Hanafi berkata, tembikai gred A pula hanya dijual semurah 50 sen sekilogram.

Katanya, sebahagian tembikai gred A itu dipasarkan di Kelantan, Johor dan Kedah.

"Harga tembikai yang murah di pasaran ketika ini menjajikan pendapatan pengusaha tanaman tembikai di negeri ini," ujarnya.


Katanya, pada tahun ini, dia

menanam tembikai di seluas kawasan 20 hektar dengan sasaran hasil sebanyak 300 tan metrik.

Bagaimanapun, katanya, hasil tembikai juga merosot apabila banyak buah tersebut rosak akibat banjir yang berlaku di sini pada 2 April lalu.

Setakat ini, menurutnya, dia hanya dapat memasarkan kira-kira 60 tan metrik kerana sebahagian buah rosak akibat ditenggelami banjir.

"Di kampung ini, terdapat seramai 15 petani mengusahakan tanaman tembikai secara berkelompok di kawasan seluas 60 hektar," katanya.



MUHAMMAD Hanafi Sani (kanan) menunjukkan sebahagian tembikai yang dilelong RM1 sebiji di Kampung Telaga Papan, Setiu, Terengganu. - UTUSAN/ZAID MOHD. NOOR

Lembu merayau, pemilik bakal dikompaun RM2,000

Tindakan tegas itu akan dikenakan terhadap pemilik haiwan cuai

Oleh ADILA SHARINNI WAHID KOTA BHARU

Kerajaan negeri akan mengambil tindakan tegas terhadap pemilik haiwan merayau yang melanggar peraturan. Pemilik haiwan merayau yang melanggar peraturan akan dikenakan kompaun sebanyak RM2,000.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Hilmi Abdullah berkata, pemilik lembu masih gagal mematuhi undang-undang yang ada.



meskipun operasi menangkap haiwan ternakan sudah dijalankan sejak seminggu sebelum Aidilfitri. "Pagi Rabu berlaku satu lagi kemalangan melibatkan lembu di Kuala Krai hingga meragut nyawa seorang remaja lelaki berusia 18 tahun."

"Kes lain pula berlaku di Jalan Keroh, Kuala Krai yang turut melibatkan lembu berkeelaran. Dua kes dalam satu hari

sangat membimbangkan," katanya selepas mesyuarat Exco di Kota Darulnaim pada Rabu.

Menurutnya, kerajaan negeri bersetuju memberi peruntukan khas kepada semua pihak berkuasa tempatan bagi mengintensifkan operasi lembu rayau khususnya di laluan protokol seperti dari Gua Musang ke Kota Bharu.

Beliau berkata, tindakan tegas itu akan dikenakan terhadap pemilik haiwan didapati cuai dan membiarkan ternakan mereka berkeelaran termasuk di kawasan perumahan, taman serta padang bola.

"Lembu ditangkap akan disita, disimpan di kandang khas dan dikeluarkan notis tuntutan



Penternak didapati membiarkan lembu mereka berkeelaran di tempat awam boleh dikenakan kompaun sehingga RM2,000.

kepada pemiliknya. "Jika gagal dituntut dalam tempoh tiga hingga tujuh hari, kita akan mengenakan kompaun, caj penjagaan, serta tindakan lelong atau lupus," katanya.

Hilmi berkata, caj dikenakan termasuk kos makanan, tugas, ubar pelai dan penjagaan lembu yang boleh mencecah lebih RM1,000 bagi setiap ekor dalam tempoh seminggu. Katanya, Enakmen Pendaftaran Ruminan 2024 juga akan mula dikuatkuasakan selepas pewartan untuk menggantikan Enakmen Lembu Kerbau Kelantan 1968 yang mewajibkan pemilik mendaftarkan ternakan mereka.



HILMI